


USAHA GILAP IMEJ UiTM

HM 16/3/06

MS - 2



TERANG...Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah (dua dari kiri) memberi sokongan terhadap program yang dianjurkan UiTM.

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaiza@hmetro.com.my

DALAM usaha menjaga wawasan melahirkan mahasiswa berilmu dan berketrampilan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak melupakan jasa masyarakat yang banyak berperanan membantu universiti berkenaan sepanjang 50 tahun penubuhannya.

Justeru, demi berkongsi maklumat dan teguran selain membina hubungan mesra bersama masyarakat luar kampus, UiTM menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan, di kampus induk universiti itu di Shah Alam, baru-baru ini.

Pengarah projek, Haslina Mo-

Anjur Hari Bertemu
Pelanggan beri
peluang masyarakat
suarakan pendapat

hamad, berkata objektif utama program itu adalah untuk memberi peluang masyarakat menyuarakan pelbagai pendapat mengenai UiTM sebagai institusi pendidikan tinggi yang ulung.

Menurutnya, sebagai persediaan melangkah menjadi universiti berprestij, UiTM memerlukan pelbagai komen dan pandangan un-

tuk memperbaiki kelemahan dan mutu perkhidmatan.

"Program ini memberi peluang pengunjung meluahkan apa juga pandangan membina bagi memperbaiki kelemahan demi kebaikan bersama selain menaikkan imej UiTM di persada pendidikan

tempatan mahupun antarabangsa.

"Ia penting bagi mencapai matlamat UiTM untuk meneroka dan meraih perhatian dunia. Walaupun namanya sudah dikenali dengan pelbagai pencapaian membanggakan, penampilan imej kor-

porat juga penting bagi meyakinkan pihak luar kewibawaan institusi ini," katanya.

Meskipun penganjur utama program dua hari ini oleh Jabatan Komunikasi dan Korporat UiTM,

LIHAT MUKA 3